

## **Seni Telepuk: Warisan Bangsa Yang Semakin Dilupakan**

Isma Nadia Nor Khairon  
Muhd Syariqul Huzni Yasin  
Mohd Nazir Ahmad  
Ahmad Zam Hariro Samsudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### *Abstrak*

*Seni Telepuk merupakan antara salah satu tekstil Melayu yang hampir pupus kerana masyarakat tidak begitu mengetahui tentang kewujudan Seni Telepuk ini. Hal ini disebabkan kurangnya kepekaan dan kesedaran mereka terhadap warisan seni ini. Warisan Seni Telepuk Telepuk telah dipercayai telah wujud sejak kurun ke-17 lagi di Tanah Melayu dan begitu terkenal di kalangan golongan atasan. Kain Telepuk ini berasal daripada Sulawesi Indonesia yang dibawa masuk oleh pedagang Bugis. Telepuk adalah merupakan proses menekap motif ke atas kain untuk menghasilkan motif corak. Proses untuk menghasilkan kain Telepuk ini memerlukan kesabaran yang tinggi kerana penghasilannya sangat rumit. Penghasilan kain Telepuk ini menggunakan beberapa bahan utama seperti blok kayu, Arabic gam dan kertas emas.*

Kata kunci: bunga, corak, kertas emas, menggerus, motif, Seni Telepuk, Telepuk, warisan

## Pengenalan

Seni Telepuk<sup>1</sup> merupakan satu bentuk seni tekstil<sup>2</sup> Melayu yang hampir pupus ditelan zaman. Menurut Azah Aziz (Rupa dan Gaya Busana Melayu: 2009), Kewujudan Seni Telepuk ini dianggarkan bermula sekitar kurun ke-17 hingga ke-18 Masihi dan dipercayai dibawa masuk oleh masyarakat Bugis<sup>3</sup> Sulawesi, Indonesia ke negeri Tanah Melayu seperti Selangor, Perak, Kedah, Johor, Terengganu, Kelantan dan Pahang melalui aktiviti perdagangan.

Telepuk dapat ditakrifkan sebagai proses menelepuk (menekap) ke atas permukaan kain tenun bugis, kain tenun benang halus<sup>4</sup>, kain limar<sup>5</sup>, kain antelas<sup>6</sup> mahupun sutera satin, dengan menggunakan perada emas<sup>7</sup> (perada terbang) melalui acuan sarang bunga pelbagai motif. Menurut sastera lama, Telepuk bermaksud bunga-bungaan yang terdiri daripada bunga teratai yang terhasil daripada teknik menghias kain menggunakan perada atau kertas emas Ros Mahwati (2013). Di samping itu, Telepuk merupakan istilah yang merujuk kepada teknik mengecap perada emas di atas permukaan kain yang telah digerus.

Dalam kajian ini, kebanyakan maklumat yang diperoleh adalah melalui sesi temubual bersama Encik Azwarin B Ahmed yang merupakan penggiat warisan Seni Telepuk. Rakaman ini dijalankan di Cabang Tiga, Kuala Terengganu pada 29 Oktober 2018 jam 10.30 pagi.

---

1 Telepuk atau menelepuk adalah proses (menekap) ke atas permukaan kain dengan menggunakan perada atau kertas emas.

2 Bahan fleksible diperbuat daripada tenunan benang atau dikenali sebagai kain.

3 Suku bangsa yang berasal dari Sulawesi Selatan, Indonesia yang terkenal sebagai pelaut.

4 Helaian benang sama ada benang kapas atau emas secara berselang seli sehingga menjadi sehelai kain.

5 Kain ikat benang pekan yang dihasilkan melalui teknik sofistikated dengan menggunakan benang pekan yang dicelup warna.

6 Kain berkilau yang terhasil dari bahan logam berkilat digunakan oleh kerabat istana Melayu diikat pada pinggang dan juga kaki.

7 Kertas emas yang digunakan sebagai penghias kain Telepuk.

Wawancara ini dikendalikan oleh Muhd Syariqul Huzni Bin Yasin dan Isma Nadia Nor Khairon.

Tokoh Encik Mohd Azwarin B Ahmed atau dikenali sebagai Koyeng berasal dari Cabang Tiga, Kuala Terengganu. Tokoh berumur 37 tahun ini lahir pada 19 November 1981. Hobi beliau cenderung kepada sukan ekstrem seperti mendaki gunung dan berkayak dan bergiat aktif dalam seni silat. Beliau mendapat pendidikan awal sekolah rendah pada tahun 1988-1994. Beliau mendapat pendidikan awal sekolah rendah di tiga buah sekolah iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Gombak, Selangor, Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Abdullah, Kuantan, Pahang dan Sekolah Kebangsaan Pusat Kuala Igan, Terengganu.

Beliau seterusnya meneruskan pengajian di sekolah menengah pada tahun 1998 di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman. Beliau meminati matapelajaran Pendidikan Seni Visual dan merupakan pengurus kelab Pembimbing Rakan Sebaya. Beliau bergiat aktif dalam persatuan silat dan pernah bertanding dalam Kojohnan Waja Diri di peringkat kebangsaan pada tahun 1998 dan mendapat pingat perak dalam kejohanan tersebut bertempat di UiTM Shah Alam sempena Hari Kebangsaan. Beliau juga pernah terlibat dalam pertandingan menyusun syiling satu sen untuk menghasilkan arca pada tahun 1998 dan pernah mendapat johan pada peringkat kebangsaan.

Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi di Universiti Teknologi Mara cawangan Kelantan bermula tahun 1999 sehingga 2004. Beliau telah ditawarkan untuk kemasukan secara terus bagi program Sarjana Muda Seni Lukis & Reka (Seni Reka Tekstil) dan tidak perlu mengambil diploma. Semasa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), beliau telah tercatat dalam Malaysia Book of Record kerana membuat lukisan terpanjang pada tahun 2000 di UiTM Shah Alam. Beliau aktif dalam bidang nyanyian dan pernah terlibat dengan persembahan koir di istana Kelantan. Selain dari itu, beliau juga pernah menyanyi semasa santapan tengahari di hadapan YDP Agong di ruang perpustakaan.

### Sejarah Telepuk

Kewujudan kain Telepuk ini dipercayai telah wujud lebih dari 300 tahun terdahulu, dan dipakai oleh golongan bangsawan seperti kerabat diraja dan pembesar namun menjadi pakaian larangan terhadap golongan biasa. Kegemilangan Seni Telepuk ini digunakan secara meluas semasa pemerintahan Sultan Hisamuddin Alam Shah (Sultan ke-5 Selangor 1938-1942) dan turut digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Ampuan Jemaah. Telepuk ini telah menjadi pakaian yang termasyhur pada zaman tersebut.

Telepuk melibatkan beberapa elemen kraf iaitu digerus dengan menggunakan siput gerus. Kemilau Telepuk ini diterap pada kain sarung<sup>8</sup>, baju kebaya, baju kurung, dan selendang bagi wanita manakala kain samping, baju Melayu dan tengkolok<sup>9</sup> terutama ketika istiadat perkahwinan Ameer Izuddin (2015). Kain Telepuk ini kebiasaannya dipakai ketika majlis rasmi seperti majlis perkahwinan, majlis keramaian, menyambut tetamu luar serta dijadikan sebagai hantaran perkahwinan.

Selain itu, perada emas atau lebih dikenali sebagai kertas emas merupakan elemen utama yang dihiasi pada kain yang ditelepuk. Perada perak<sup>10</sup> turut digunakan namun penggunaannya tidak meluas. Emas digunakan dalam penghiasan kain sebagai salah satu lambang kemewahan.

---

8 Sepotong kain lebar yang pemakaianya dibebatkan pada pinggang untuk menutup bagian bawah tubuh (pinggang ke bawah).

9 Dikenali sebagai destar, setanjak/tanjak, bulang hulu dan setangan kepala merupakan sejenis alas kepala tradisional Melayu yang dipakai oleh golongan lelaki.

10 Fungsi yang sama seperti perada emas.

Namun selepas berlakunya perang dunia kedua, di mana tentera Jepun telah memasuki Tanah Melayu pada tahun 1942 telah menjadi salah satu faktor kepada pemusnahan kain Telepuk. Namun demikian, pada pendapat Azwarin Ahmed (2018), beliau mengatakan bahawa kain Telepuk ini sudah semakin ditelan zaman bukan sahaja semat-mata terhadap implikasi seranganan Jepun terhadap Tanah Melayu tetapi menurut beliau ia disebabkan tidak lagi diusahakan kain Telepuk berkenaan kerana wujudnya revolusi pasaran dan pembuatan kain baharu seperti kain Songket menyebabkan masyarakat tidak lagi berminat untuk meneruskan usaha ini kerana dianggap pembuatannya yang rumit dan memakan masa.

### **Mencuci kain Telepuk**

Antara keunikan lain bagi kain Telepuk ini ialah kain ini sama sekali tidak boleh dicuci dengan menggunakan air kerana dikhuatiri motif emas pada kain tersebut akan tertanggal. Oleh itu, untuk *mencuci* kain ini ia menggunakan sebuah teknik yang khas yang dikenali sebagai teknik wukok<sup>11</sup>. Teknik wukok berasal daripada perkataan Kelantan yang bermaksud perasap kain<sup>12</sup>. Perasap kain ini ialah suatu teknik untuk mencuci kain dengan menghasilkan asap wangi yang berfungsi untuk menghilangkan bau-bau yang kurang enak pada pakaian tersebut. Terdapat 3 bahan utama yang digunakan untuk perasap kain iaitu, air mawar, kayu halba dan juga arang. Ketiga-tiga bahan ini akan dimasukkan ke dalam bekas perasap yang diperbuat daripada tembaga kemudian dinyalakan dengan menggunakan mancis. Pakaian Telepuk akan digantung dan bekas perasap akan

---

11 Perkataan yang berasal dari Kelantan atau dikenali sebagai perasap kain.

12 Sejenis cara untuk mencuci pakaian yang diperbuat daripada Telepuk dengan menggunakan teknik perasap kain untuk menghilangkan bau yang kurang menyenangkan.

diletakkan berdekatan dengan kain tersebut agar wangianya dapat diserap oleh kain.

Di Indonesia corak yang digunakan dalam teknik penghiasan kain adalah mereka menggabungkan corak elemen bermotif flora<sup>13</sup> dan fauna<sup>14</sup>. Manakala di Tanah Melayu, kebanyakan akan menggunakan motif bercorak flora kerana pengaruh agama Islam yang kuat. Motif fauna juga digunakan tetapi telah digubah sehingga menjadi corak abstrak<sup>15</sup>. Terdapat beberapa jenis bunga yang digunakan untuk menghias kain antaranya ialah bunga teratai, seroja, (Kayaminda, 2008) bunga tanjung, bunga pecah lapan, bunga bercorak islamik dan bunga ati-ati. Azwarin Ahmed (2018).

### **Maklumat terperinci Seni Telepuk**

Menurut Ahmad Farid (2018) terdapat dua teknik yang digunakan untuk menghasilkan kain Telepuk iaitu dengan menggunakan serbuk perada atau air emas untuk melukis corak yang diingini di atas permukaan kain seperti yang diamalkan di Indonesia. Manakala teknik kedua pula adalah menggunakan teknik mengecop disaluti dengan Arabic gam kemudian ditekapkan pada permukaan kain yang digerus bersama dengan helaian kertas emas untuk memberikan motif pada permukaan kain. Azwarin Ahmed (2018).

Terdapat beberapa bahan utama untuk menghasilkan kain Telepuk antaranya ialah blok kayu perada, pisau wali, kertas emas, Arabic gam, kain gerus, dan sudip kayu. Blok kayu perada<sup>16</sup> digunakan sebagai bahan untuk mengecop pada permukaan kain dimana ia akan diukir untuk membentuk motif corak bunga seperti bunga teratai,

---

13 Tumbuh-tumbuhan yang terdapat pada satu-satu daerah atau pada suatu masa.

14 Seluruh binatang yang hidup di suatu tempat.

15 Lukisan abstrak mungkin atau tidak mungkin menyerupai kepada objek asal.

16 Blok yang digunakan sebagai alat untuk mengecop yang telah diukir dengan motif corak.

seroja (Kayaminda, 2008) serta bunga tanjung, bunga pecah lapan, bunga bercorak islamik dan bunga ati-ati. Azwarin Ahmed (2018).

Di Tanah Melayu, corak yang diaplikasikan di atas permukaan kain adalah corak yang bermotifkan flora. Motif ini digunakan secara meluas kerana pengaruh kedatangan Islam pada abad ke-13 Masihi. Amirul Akem (2014). Hal ini menyebabkan seni karya Islam bertapak luas di seluruh Asia Tenggara. Menurut Adiguru Norhaiza (2018) yang merupakan Adiguru Warisan Seni Ukir Halus, beliau pernah dititahkan oleh Sultan Selangor untuk mengukir bunga tanjung pecah sembilan untuk dijadikan sebagai identiti negeri Selangor. Melalui pengalaman inilah Adiguru Norhaiza mengenali Seni Telepuk dan seterusnya mengadakan bengkel kepada orang awam yang diturut serta oleh Encik Azwarin.

Untuk membuat kain Telepuk, pemilihan warna kain adalah penting sebelum memulakan proses menggerus. Pemilihan warna kain yang gelap serta tidak bercorak memainkan peranan yang esensial kerana ia akan menimbulkan motif emas pada kain tersebut. Warna yang menjadi pilihan untuk membuat kain Telepuk adalah seperti hitam, hijau tua, biru gelap, ungu gelap dan merah gelap (maroon). Pemilihan warna kain ini amat penting kerana ia akan memberikan kesan kepada emas yang ditelepuk agar tidak tenggelam pada permukaan kain. Setelah kain dipilih, proses mencuci dan menggerus akan dilakukan.

### Teknik Gerus Kain

Teknik Gerus<sup>17</sup> merupakan teknik tradisional untuk melicin dan memadatkan kain yang telah siap ditenun untuk kelihatan lebih halus

---

17 Proses untuk memadatkan benang pada permukaan kain agar tampak halus dan berkilat.

dan berkilat. Siti Zaleha Jorimai (2007). Kemahiran dalam teknik menggerus ini dipercayai telah dibawa masuk oleh pedagang-pedagang Bugis yang melakukan aktiviti perdagangan di Tanah Melayu sekitar abad ke-17 dan ke-18 Masihi. Menurut Putera (2013), Kegiatan ini berkembang ke beberapa buah negeri yang berkaitan seperti Jugra, Selangor, Pekan Pahang, Kuala Kangsar dan Sitiawan; Perak, Mura dan Batu Pahat; Johor dan Kuala Terengganu; Terengganu.

Peralatan yang digunakan untuk menggerus ialah papan gerus, siput gerus atau nama saintifik ialah *cowry tigris shell*, joran (kayu yang digunakan untuk menggerakkan kulit siput), damar batu<sup>18</sup> dan lilit lebah. Manakala bahan pencuci kain yang digunakan sebelum menggerus ialah buah lerak, kanji, abu sekam padi dan air bersih. Buah lerak<sup>19</sup> adalah sejenis agen pencuci tradisional atau semulajadi yang digunakan untuk mencuci pakaian, besi dan barang antik. Buah lerak ini boleh didapati di kedai menjual rempah-ratus manakala abu sekam padi boleh didapati dari hasil kegiatan pertanian sawah padi yang telah dibakar.

Sebelum melakukan teknik menggerus, kain yang ingin ditelepuk akan dicuci terlebih dahulu dengan menggunakan abu sekam padi, dan dibilas dengan air buah lerak. Khairul (2011). Selepas proses mencuci kain ini selesai, kanji akan dimasak terlebih dahulu dengan campuran tepung ubi kayu dan air yang secukupnya. Setelah mendidih, kanji tersebut dimasukkan ke dalam baldi sebelum dicelupkan sehingga basah dan rata sambil dilurutkan untuk beberapa kali. Kemudian, kain akan dijemur ditempat yang lapang dengan ditegangkan dan disokong oleh kayu panjang serta pemberat seperti batu-batu agar kain tersebut tidak berkedut atau berlipat antara satu-sama lain. Damar batu akan digosok pada permukaan papan gerus dan kain akan disapu dengan lilit lebah supaya teknik

---

18 Getah yang telah menjadi fosil. Getah ini diperoleh dari dalam tanah.

19 Sejenis pencuci tradisional semulajadi yang digunakan untuk mencuci kain dan besi dan barang antik.

menggerus kain dapat dilakukan dengan mudah. Kain tersebut kemudiannya dibentangkan serta digerus dengan menggunakan siput gerus untuk menjadikan permukaan kain licin dan berkilat sebelum ditelepuk.

### **Blok Kayu**

Seterusnya, blok kayu akan dicari untuk membuat blok Telepuk. Antara blok kayu yang sering digunakan untuk membuat blok Telepuk adalah kayu Jelutong, kayu Cermai dan kayu Angsana. Azwarin Ahmed (2018). Namun begitu, kayu blok yang menjadi pilihan utama pengukir kayu adalah menggunakan kayu Jelutong kerana ia mempunyai tekstur yang lebih lembut dan senang diukir berbanding dengan kayu-kayu yang lain yang agak keras dan liat yang menyebabkan proses mengukir mengambil masa yang lebih lama. Kebiasaannya, untuk menyiapkan sesebuah blok kayu Telepuk memakan masa selama dua hari sekiranya bunga tersebut adalah ringkas dan tidak kompleks. Proses mengukir dimulakan dengan melukis corak motif yang dipilih diatas permukaan kayu dan kemudiannya diukir dengan menggunakan pisau wali.

### **Bahan Menelepuk**

Terdapat beberapa elemen penting untuk menghasilkan kain Telepuk antaranya ialah Arabic gam, kertas emas, sudip kayu, blok Telepuk dan juga kain. Selain itu, kertas emas pula diimport daripada Thailand dan China. Manakala, Arabic gam mudah didapati di kedai Arab yang menjual makanan-makanan sunnah. Menariknya, Arabic gam ini adalah berbentuk ketulan kasar seperti batu kristal. Ketulan-ketulan

batu kristal ini akan dimasak dan dicampur dengan sedikit air. Setelah gam tersebut cair dan masak, gam tersebut dipindahkan ke dalam bekas khas.

### **Proses Menelepuk**

Proses menelepuk ini dilakukan di dalam kawasan yang tertutup dan pergerakan angin yang minimum. Hal ini kerana, dengan kehadiran angin akan merencatkan proses menelepuk, terutama dari segi proses menyapu gam dan menelepuk kertas emas pada permukaan kain. Jika proses gam dilakukan dengan kehadiran angin, dikhuatiri gam tersebut cepat meresap atau kering sebelum sempat dicop pada blok kayu. Manakala kertas emas pula, fizikalnya adalah sangat ringan, rapuh dan senang bercantum dengan adanya kehadiran angin menyebabkan kertas emas tersebut rosak serta-merta jika tidak berhati-hati. Oleh sebab itu, kertas emas ini juga dikenali sebagai “perada terbang” dalam kalangan pembuat kain Telepuk.

Sementara itu, Arabic gam diletakkan ke atas piring kecil kemudian disapu rata atas permukaan lengan sehingga tiada sebarang buih gelembung kelihatan. Proses ini boleh memakan masa sehingga 8-10 minit dimana memerlukan kesabaran dan ketelitian yang tinggi untuk memastikan gam yang dicop pada blok kayu mengenai keseluruhan permukaan blok kayu sebelum dilekatkan dipermukaan kain yang ingin ditelepuk. Setelah itu, kertas emas akan ditampal dengan penuh berhati-hati dan sapuan rata dilakukan untuk memastikan kertas emas benar-benar melekat pada kain untuk mendapatkan hasil corak yang rata dan kemas. Lebihan kertas emas disapu dengan menggunakan berus alat solek. Proses menelepuk ini akan berulang sehingga kain tersebut siap ditelepuk.

### **Kelebihan Temubual**

Semasa menjalankan kajian ini didapati bahawa Encik Azwarin B Ahmed telah memberikan kerjasama yang sangat cemerlang. Kesanggupan beliau untuk meluangkan masa bersama kami amat dikagumi. Semangat beliau untuk membangkitkan Seni Telepuk jelas kelihatan di mana beliau sangat mengalu-alukan kedatangan kami untuk berkongsi ilmu yang dipelajarinya.

Oleh kerana tokoh ini menetap di Kuala Terengganu, kami berasa sedikit khuatir dengan dialek yang digunakan oleh beliau ketika berinteraksi. Namun begitu, sewaktu melakukan temu ramah, kami mendapati beliau fasih berbahasa baku. Bahasa yang digunakan semasa temubual dengan beliau mudah difahami dan jelas memudahkan kami untuk berkomunikasi. Di samping itu, kami berasa sangat terharu kerana kesanggupan beliau dalam membantu kami dalam apa juu keadaan untuk memberi segala maklumat yang diperlukan. Beliau merupakan seorang tokoh yang mudah didekati dan sangat membantu dalam kajian ini.

### **Kekurangan Temubual**

Antara kelemahan yang dihadapi sewaktu berlangsungnya temubual ini adalah, bunyi deruman motor yang mengganggu dalam rakaman, suara batuk dan gagap atau perkataan yang sama diucap berulang kali. Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada penulisan transkrip.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, Seni Telepuk ini berasal daripada Bugis Sulawesi, Indonesia yang dibawa masuk melalui aktiviti perdagangan dan pakaian ini hanya dipakai oleh golongan bangsawan sahaja. Walaupun Seni Telepuk ini pada dasarnya kelihatan mudah pada mata kasar namun begitu ianya memerlukan ketekunan, ketelitian serta kesabaran yang tinggi untuk menghasilkan karya seni yang bermutu tinggi. Segala daya dan kudrat untuk mengembalikan zaman kegemilangan Telepuk ini telah giat diusahakan oleh Adiguru Norhaiza dan juga Encik Azwarin agar generasi pada masa ini dapat

mengenali, menghayati serta dapat meneruskan legasi seni warisan yang menjadi peninggalan nenek

**JURNAL SEJARAH LISAN MALAYSIA**

**ISSN 2600-7088 JILID 2 ISU 2**

**OKTOBER 2018**

moyang terdahulu agar tidak disia-sia begitu sahaja. Harapan mereka adalah generasi pada hari ini sama-sama bangkit dalam memartabatkan warisan seni ini hingga ke persada antarabangsa.

### **Rujukan**

Ameer Izuddin (2015). Seni Telepuk. Retrieved November 18, 2018 from  
<http://amerzudin.blogspot.com/2015/03/seni-telepuk.html>

Amirul Akem, (2014, September 7) Politeknik Nilai Negeri Sembilan, *Sejarah Kedatangan Islam ke tanah Melayu*. Retrieved October 25 from  
<http://muller14.blogspot.com/>

Azwarin Ahmed. (2018) Seni Telepuk.  
<http://www.facebook.com/azwarinahmed> [Facebook update] Retrieved from <https://www.facebook.com/azwarin.ahmed?lst=100000264330424%3A100000502161704%3A1545748653>

Azwarin Ahmed, Temudaga Individu, 29 Oktober, 2018.

Faizal Musa, M. (2018). Komentar: Usaha sepadu memperkasa wanita menitiusia senja – BERITA MediaCorp. Retrieved December 25, 2018 from <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/commentary/komentar-usaha-sepadu-memperkasa-wanita-meniti-usia-senja/4210214.html>

Harozila Ramli, Tajul Shuhaiman Said & Siti Salwa Jamaldin. (2017). Eksperimentasi teknik tritik dalam pembelajaran mereka corak tekstil batik. *Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni (KUPAS SENI)*, 5, 47-54. Retrieved October 22, 2018, from  
<http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=106200>

Haziyah Hussin. (2006). Aktiviti seni dan budaya lampau: Penghasilan dan penggunaan tekstil di alam Melayu dari sudut sejarah silam. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 33, 96-103. Retrieved October 22, 2018,